

09/09/1998

Pemuda Kangar tunggu amanat

KANGAR, Selasa - Pemuda Umno bahagian Kangar akan menjelaskan kepada ahli parti di peringkat akar umbi berhubung perkembangan terkini politik tanah air berikutan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ketuanya, Jamil Saad, berkata ahli jawatankuasa Pemuda bahagian akan dikerahkan `turun padang' bagi menjelaskan perkara itu selepas mendengar amanat Presiden, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, petang ini.

"Kami berdiri teguh di belakang Dr Mahathir bagi menghadapi sebarang perkembangan drastik berikutan pemecatan Anwar.

"Bagi kami, Presiden lebih mengutamakan parti dan negara ketika membuat keputusan dan Pemuda bahagian Kangar akan menjelaskan kepada ahli parti berhubung pemecatan itu," katanya sebelum bertolak ke Kuala Lumpur, pagi ini.

Anwar dilucut jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Rabu lalu, dan Timbalan Presiden serta ahli Umno, sehari kemudian.

Menurut Jamil, Pemuda bahagian sudah menghantar telegram bagi menyatakan sokongan dan berdiri teguh di belakang Perdana Menteri, kelmarin.

Beliau tidak menolak kemungkinan ramai ahli parti di peringkat akar umbi berbelah bagi dan terkeliru dalam menghadapi isu pemecatan Anwar selepas disogok pelbagai surat layang berhubung perkara itu.

Dalam perkembangan berkaitan, Setiausaha Kerja Pemuda Umno bahagian itu, Rosli Ngah, meminta Ketua Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, segera mengadakan mesyuarat Exco Pemuda bagi menetapkan pendirian berhubung pemecatan Anwar.

Katanya, kedudukan Pemuda Umno negeri di ambang pepecahan berikutan kenyataan yang berbeza berhubung perkara itu dan ramai ahli keliru berhubung pendirian Pemuda.

"Zahid tidak boleh terus bersembunyi dan berdiam diri berhubung isu pemecatan Anwar kerana boleh mendatangkan kesan terhadap keutuhan serta perpaduan pergerakan," katanya.

Beliau juga mahu Anwar berhenti mempengaruhi orang ramai, termasuk pelajar, sebaliknya bertindak secara profesional bagi menghadapi tuduhan dan tindakan terhadap beliau.

Rosli menyarankan Anwar menyaman penulis dan semua dakwaan yang terkandung dalam buku 50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Menjadi Perdana Menteri bagi membuktikan kepalsuan buku itu.

(END)